

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 18 OGOS 2017 (JUMAAT)

# MBSA terima anugerah lima bintang

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Pencapaian 100 peratus Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS 2016 membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu menerima anugerah lima bintang oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA,

Shahrin Ahmad berkata, pengiraan KPI diambil melalui enam submodul ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Katanya, submodul itu adalah perjawatan, pemurnian data, sasaran kerja tahunan, laporan nilai prestasi tahunan, pengisytiharan harta dan penamatan perkhidmatan.

"Kita percaya melalui anugerah ini, MBSA akan lebih bermotivasi memberikan perkhidmatan ter-

baik kepada orang ramai.

"Pengiktirafan ini juga akan mendorong warga kerja MBSA untuk terus mengekalkan tahap cemerlang dalam mengemaskini aplikasi submodul HRMIS supaya menjadi antara yang terbaik

dalam kalangan agensi kerajaan dan PBT, di Malaysia," katanya dalam kenyataan, di sini, baru-baru ini.

Shahrin berkata, pihaknya menerima anugerah itu sempena Majlis Makan Malam Me-

syuarat Pengurus-Pengurus Sumber Manusia dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS pentadbiran Kerajaan Negeri serta agensi di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor juga PBT.



Wakil Pihak Berkuasa Tempatan bergambar bersama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya ketika Majlis Makan Malam Mesyuarat Pengurus-Pengurus Sumber Manusia dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS, baru-baru ini